

Edisi  
NegeriKAMPUS  
+ KITA JUGA ADA CERITA +

DIANA SURYA ABD WAHAB

**G**raduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) diingatkan agar menghayati nilai murni dan melaksanakan tanggungjawab profesional dalam membuat keputusan terbaik khususnya dalam lapangan kerja.

Canselornya, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, banyak masa, tenaga dan wang telah dilaburkan untuk melahirkan insan terpelajar maka tidak seharusnya mereka membuat kesilapan.

"Status sebagai graduan melayakkan anda dilantik ke pelbagai jawatan di peringkat pengurusan dan profesional sama ada di sektor awam dan swasta yang mendedahkan kepada pelbagai tanggungjawab serta kuasa untuk membuat sesuatu keputusan.

"Hal ini tentunya menuntut aktauntabiliti tinggi daripada anda sebagai golongan eksekutif dan profesional beretika dan berintegriti. Namun sekiranya nilai murni saya katakan itu tidak dihayati sepenuhnya dalam jiwa, pemikiran dan tindakan anda, maka sudah tentu anda berisiko tinggi terabit dalam penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah serta lain-lain bentuk jenayah kolar putih."

"Ini sudah tentu merosakkan status anda sebagai orang

Dalam pada itu, Tengku

terpelajar dan mencemarkan nama universiti yang menjadi alma mater anda," titah baginda pada Majlis Konvokeyesen Ke-12, di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang, di sini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Pada majlis itu, Tengku Abdullah turut dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan yang disampaikan Daing Nasir.

Dalam pada itu, Tengku

mempunyai aktauntabiliti terhadap urusan duniaawi di rumah atau di tempat kerja, tetapi perlu menggalas aktauntabiliti dalam hubungan kita dengan ALLAH SWT.

"Kita tidak hanya dituntut

# Graduan UMP diingat hayati nilai murni

Tengku Abdullah tidak mahu mereka terjerumus dalam jenayah kolar putih



Tengku Abdullah mencemar duli meluangkan masa beramah-mesra bersama graduan-graduan menerima anugerah khas di Majlis Konvokeyesen ke-12.

Abdullah berkata, seseorang graduan juga harus ingat bahawa semua manusia adalah insan biasa di sisi ALLAH SWT walaupun memegang jawatan dan berkedudukan tinggi.

"Kita tidak hanya dituntut

mempunyai aktauntabiliti terhadap urusan duniaawi di rumah atau di tempat kerja, tetapi perlu menggalas aktauntabiliti dalam hubungan kita dengan ALLAH SWT.

"Ini kerana Dia yang sentiasa

menilai gerak-geri dan tindakan tanduk kita daripada saat dilahirkan hingga hal ke saat kembali kepada-Nya.

"Bagi saya inilah makna integriti dan aktauntabiliti sebenarnya," titah baginda.